

# Dakwaan parti pendatang tidak wajar - Sheikh Omar

**SHAH ALAM** - Tun Dr Mahathir Mohamad digesa supaya berhenti mengeluarkan kenyataan yang boleh mewujudkan ketegangan kaum.

Ahli Jawatankuasa DAP Pusat, Sheikh Omar Bagharib Ali berkata, kenyataan Dr Mahathir yang menyifatkan parti politik pimpinan bukan Melayu sebagai parti pendatang adalah tidak wajar.

Menurutnya, parti-parti berkenaan sah didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan dibenarkan berpolitik di bawah kerangka perlembagaan.

“Negara kita ada undang-undang termasuk hal politik dan ia bergerak dengan perlembagaan. Isu pendatang telah lama, sekarang orang tidak membincangkan lagi masalah tersebut.

“Saya risau kenyataan itu akan mewujudkan jurang perkauman antara kaum dan akhirnya masyarakat akan berpecah-belah,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Tambahnya, isu itu tidak sepatutnya ditimbulkan Dr Mahathir kerana bangsa Malaysia telah diperkenalkan sejak dahulu.